LOURA DORRIS A/P LAURENCE

lwn.

THURAISINGAM A/L JAMES

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, SHAH ALAM
DATO' FAIZA TAMBY CHIK H
[SAMAN PEMULA NO. 24-411-94]
3 APRIL 1995

UNDANG-UNDANG KELUARGA: *Hak penjagaan - Faktor- faktor yang perlu dipertimbangkan - Seksyen 88(3) Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 - Anggapan bahawa anak di bawah umur 7 tahun hendaklah dijaga oleh ibunya - Ibu kanak-kanak bersekedudukan dengan lelaki - Samada perlakuan ibu boleh menidakkan anggapan..*

[English Translation of Catchwords]

FAMILY LAW: *Custody - Factors to be taken into account - Section 88(3) Law Reform (Marriage and Divorce) Act 1976 - Presumption that custody of child aged 7 years and below lies with the mother - Mother co-habiting with a man - Whether mother's conduct can rebut presumption.*

Pemohon telah berkahwin dengan penentang pada 3 Oktober 1988, dan hasil daripada perkahwinan tersebut mereka telah dikurniakan seorang anak perempuan. Setiap kali pemohon dan penentang keluar bekerja, kanak-kanak tersebut dijaga oleh ibu pemohon. Pemohon kemudiannya memohon hak penjagaan sementara kanak-kanak tersebut. Semasa perbicaraan dijalankan pemohon tidak menafikan bahawa beliau bersekedudukan dengan seorang lelaki yang telah beristeri. Peguam pemohon menghujahkan bahawa s. 88(3) Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 memberi satu anggapan yang boleh disangkal bahawa anak di bawah umur 7 tahun hendaklah dijaga oleh ibunya dan bahawa perlakuan zina oleh pemohon tidak boleh menolak anggapan tersebut.

Diputuskan:

[1] Dalam memutuskan siapakah hak penjagaan seseorang anak patut diletakkan pertimbangan utama ialah kebajikan anak dan ini hendaklah dilihat daripada berbagai sudut fizikal, mental, moral dan masa depan yang boleh dijangkakan. Mahkamah mestilah mengambil perhatian secara menyeluruh mengenai kebajikan kanak-kanak itu termasuk umur, jantina, ugama dan adat resam dalam mana beliau telah dipelihara dan dibela selama ini, latar belakang, bangsa dan budaya ibu bapanya, kelakuan ibu bapanya dalam menangani kehidupan anak itu. Perlu juga diambil kira faedah-faedah yang boleh dinikmati oleh anak itu dari segi pelajaran dan material serta soal-soal kesihatan dan perubahan.

[2] Kelakuan pemohon adalah tidak bersesuaian dengan keadaan masyarakat berbilang kaum, di mana perlakuan sumbang tersebut adalah suatu perbuatan yang dipandang jijik oleh masyarakat. Adalah bersalahan dengan adat resam di negara ini untuk membenarkan anak tersebut dijaga oleh pemohon yang mahu hidup bebas dan bersekedudukan dengan suami orang tanpa sebarang ikatan sah. Ini akan menjejaskan kehidupan masa depan anak itu.

[Permohonan ditolak; tiada perintah mengenai kos; akses yang diperolehi dahulu dikekalkan]

Kes yang dirujuk:
Re Ko (an infant) [1990] 1 MLJ 494 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan & Perceraian) 1976, s. 88 (3)

Bagi pihak pemohon - M. Kalaichelvan; T/n. Siva, Thurai, Mariany & Co.
Bagi pihak penentang - S. Letchumanan; T/n. Letchu Suppiah & Co.

PENGHAKIMAN

Faiza Tamby Chik H:

Si pemohon telah mengemukakan suatu saman dalam kamar *ex-parte* bertarikh 27 Mei 1994 memohon suatu perintah hak penjagaan sementara bagi anak kandungannya bernama Melinda a/p Thuraisingam. Fakta kes adalah bahawa hasil daripada perkahwinan di antara si pemohon dengan si penentang pada 3 Oktober 1988, mereka telah dikurniakan seorang anak perempuan yang lahir pada 16 Mei 1989 bernama Melinda. Dapat diperhatikan semenjak anak tersebut lahir, dia telah tinggal bersama-sama dengan si pemohon dan si penentang dan sepeninggalan si pemohon pergi bekerja anak tersebut telah dijaga oleh ibu si pemohon. Kemudian pada bulan November 1990 apabila mereka tinggal berasingan dengan ibu bapa kandung si pemohon di rumah bersebelahan anak itu masih lagi dijaga oleh ibu si pemohon apabila kedua-dua mereka pergi bekerja.

Kedua-dua pihak telah mengikrarkan afidavit untuk menjawab pengataan-pengataan yang dilemparkan terhadap satu sama lain.

Akan tetapi suatu fakta yang tidak dipersoalkan adalah bahawa si pemohon telah bersekedudukan dengan seorang lelaki yang telah beristeri bernama Dr. Mahesan. Perlakuan zina diantara si pemohon dengan Dr. Mahesan itu telah diakui benar oleh si pemohon oleh kerana beliau ingin hidup bebas (lihat TJ 1).

Peguambela yang bijaksana bagi pihak si pemohon telah menghujahkan bahawa s. 88 (3) Law Reform Act memberi satu anggapan yang boleh disangkal bahawa anak dibawah umur 7 tahun hendaklah dijaga oleh ibunya. Peguambela tersebut juga menghujahkan bahawa perlakuan zina oleh si pemohon tidaklah boleh menidakkan anggapan di atas supaya anak yang dibawah umur 7 tahun hendaklah dijaga oleh ibunya. Autoriti bagi menyokong hujah itu ialah *Re Ko (an infant)* [1990] 1 MLJ 494.

Setelah meneliti kes ini dengan cermat saya berpendapat kelakuan si pemohon dalam kes ini adalah tidak bersesuaian dengan keadaan masyarakat berbilang kaum di Malaysia dimana perlakuan sumbang seperti bersekedudukan dengan seorang lelaki tanpa berkahwin adalah suatu kelakuan yang dipandang jijik oleh masyarakat. Apakah lagi sekiranya lelaki itu telah beristeri dan mempunyai anak pula. Adalah bersalahan dengan adat resam di negara ini untuk membenarkan anak tersebut supaya dijaga oleh si pemohon yang mahu hidup bebas dan besekedudukan tanpa sebarang ikatan sah pula dengan suami orang. Ini akan menjejaskan kehidupan masa depan anak itu. Dalam kes ini si penentang adalah bapa kandung anak tersebut dan mampu pula menjaganya.

Dapat diperhatikan bahawa pada memutuskan kedalam jagaan siapakah seseorang anak itu patut diletakkan pertimbangan utama ialah kebajikan anak itu dan tertakluk kepada itu Mahkamah hendaklah memberi perhatian kepada kemahuan ibu bapa anak itu dan kemahuan anak itu sendiri sekiranya beliau telah meningkat umur di mana beliau dapat menyatakan sesuatu pendapatnya sendiri. Persoalannya disini adalah kebajikan kanak-kanak itu dan ini hendaklah dilihat daripada berbagai sudut fizikal, mental, moral dan masa depan yang boleh dijangkakan. Saya berpendapat Mahkamah mestilah mengambil perhatian

secara menyeluruh mengenai kebajikan kanak-kanak itu termasuk umur, jantina, ugama dan adat resam dalam mana beliau telah dipelihara dan dibela selama ini, latar belakang, bangsa dan budaya ibunya, kelakuan ibu bapanya dalam menangani kehidupan anak itu. Perlu juga diambil kira faedah-faedah yang boleh dinikmati oleh anak itu dari segi pelajaran dan material serta soal-soal kesihatan dan perubahan.

Setelah meneliti keterangan afidavit yang dikemukakan serta hujah yang diutarakan oleh kedua-dua orang peguambela, saya menolak permohonan si pemohon; tiada perintah mengenai kos dan akses yang telah diperolehi dahulu dikekalkan.